

Peluang kenali program di UPM

Serdang: Penganjuran Pameran Pendidikan Asasi 2014 oleh Pusat Asasi Universiti Putra Malaysia (UPM) semalam, diharap dapat memberi lebih peluang kepada pelajar untuk mendapat lebih maklumat mengenai program yang mereka minati.

Pengarah Pusat Asasi UPM, Profesor Dr Mahiran Basri berkata, matlamat utama pameran itu dianjurkan adalah bagi memberi ruang lebih luas kepada lebih 700 pelajar asasi untuk mengenali semua 16 fakulti peringkat ijazah yang terdapat di UPM.

Antara fakulti terbabit adalah Fakulti Pendidikan, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Teknologi Makanan, Fakulti Pengajian Bahasa, Fakulti Sains dan sebagainya.

Menurut Dr Mahiran, pelajar dapat mengetahui syarat kelayakan minimum yang diperlukan untuk memasuki setiap fakulti dan mereka perlu berusaha bersungguh-sungguh jika mahu masuk ke program pengajian yang diminati.

"Sejak tiga tahun dulu lagi penganjuran pameran ini adalah bertujuan memberi lebih pengetahuan kepada pelajar untuk memilih sendiri pengajian peringkat ijazah yang mereka minati.

"Antaranya syarat kelayakan minimum, subjek yang bakal diambil serta bentuk kerja jika pengajian itu tamat," katanya ketika ditemui sewaktu pameran berkenaan di Dewan Banquet, UPM, semalam.

Seorang pelajar asasi, Noramila Najwa Idrus Saidi, 19, berkata pameran itu bermanfaat kerana boleh bertanya secara terus kepada fakulti diminati.

"Saya ingin memasuki Fakulti Teknologi Makanan di peringkat ijazah nanti dan melalui pameran ini, saya dapat bertanya secara terus apa kriteria dan syarat yang

diperlukan untuk memasukinya," katanya yang ber cita-cita menjadi pakar nutrisi makanan.

Bagi Naqjudin Fadri Nuradin, 19, beliau meminati bidang perakaunan berpendapat pameran itu perlu diteruskan di masa akan datang kerana kebanyakkan pelajar asasi masih tercari-cari bidang yang mereka minati.

"Pameran ini memang bagus, ia lebih membuka mata para pelajar untuk memilih satu persatu fakulti yang mereka rasa boleh memberikan peluang kerjaya di masa akan datang," katanya.

FAKTA
Pelajar dapat mengetahui syarat kelayakan minimum untuk memasuki fakulti



DR Mahiran mendengar penjelasan pelajar Kejuruteraan Aerospace, Sazril Syamir Suliman (tengah) mengenai keupayaan Hexacopter pada pameran Pendidikan Asasi UPM 2014.